UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HSK 202 Teori dan Kaedah Sejarah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bolehkah sumber yang banyak dan tulin menjadi asas untuk gambaran masa lampau yang lengkap? Mengapa?

2. "Setiap kejadian sejarah adalah unik, maka ia memerlukan penjelasan yang khusus pada kejadian yang berkenaan." Bincangkan.

3. Sejauh manakah dapat anda bersetuju dengan sejarawan aliran Marxis bahawa kajian struktur ekonomi adalah kunci yang membawa kepada fahaman sejarah masyarakat manusia?

4. Tokoh-tokoh Aliran Annales telah cuba merobohkan sempadan antara sejarah dan disiplin lain yang mengkaji kehidupan manusia. Apakah, pada pandangan anda, percubaan mereka ini telah memperkayakan kajian sejarah?

5. Bagaimanakah J. Smail membezakan sejarah Asia Tenggara yang bersifat otonomous daripada sejarah yang bersifat kolonial dan sejarah yang bersifat nasionalis? Setujukah anda dengan pandangan Smail bahawa sejarah yang bersifat otonomous boleh ditulis?

6. "Kemampuan ahli sejarah adalah terhad. Dia boleh mencari kebenaran objectif mengenai masa lampau, tetapi dia tidak akan menemuinya." Bincangkan.

- oooOOOooo -